



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

Tawaran dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang seperti di bawah dan menggunakan Sistem **ePerolehan** bagi menyertai sebut harga berikut:

No. / Tajuk Sebut Harga	Kod Bidang Pendaftaran	Tarikh Tutup Sebut Harga	Kaedah Perolehan
JPA(S)14/2019 Sebut Harga Perkhidmatan Penyelenggaraan Perkakasan Dan Perisian Sistem Mykehadiran Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)	210101, 210102, 210103 dan 210104	18 Oktober 2019 (Jumaat), jam 12.00 tengah hari. Tawaran yang dihantar selepas jam 12.00 tengah hari pada tarikh tutup sebut harga tidak akan dipertimbangkan	Secara ePerolehan

2. Penyebutharga yang ingin menyertai sebut harga ini mestilah ePerolehan *enabled*. Dokumen Sebut Harga boleh diperolehi mulai **8 Oktober 2019 (Selasa)** melalui laman web www.eperolehan.com.my.
3. Cadangan Teknikal dan Cadangan Kewangan yang lengkap hendaklah dikunci masuk (*key-in*) ke dalam Sistem ePerolehan pada atau sebelum **18 Oktober 2019 (Jumaat), jam 12.00 tengah hari**.
4. Satu sesi **taklimat** akan diberikan kepada Penyebutharga dan **PENYEBUTHARGA DIWAJIBKAN hadir**. Sila bawa bersama Sijil Pendaftaran Asal dengan Kementerian Kewangan dan Sijil Taraf Bumiputera (jika ada), berserta dengan salinan fotostat (tidak dikembalikan). Hanya **penama di Sijil Akaun Pendaftaran Syarikat sahaja** yang boleh menghadiri sesi taklimat atau lawatan tapak. Penyebutharga **tidak boleh mewakili** pegawai selain daripada penama di dalam Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan. Taklimat akan diadakan seperti berikut :

Tarikh : **11 Oktober 2019 (Jumaat)**
Masa : **9.00 pagi**
Tempat : **Bilik Mesyuarat Utama,
Jabatan Perkhidmatan Awam,
Aras 8, Blok C1, Kompleks C,
62510 Putrajaya**

5. Tawaran Sebut Harga yang lewat dikemukakan melalui Sistem ePerolehan seperti mana arahan sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
6. Syarikat yang memerlukan penjelasan lanjut mengenai Sebut Harga tersebut, hendaklah menghubungi pegawai-pegawai berikut:

Spesifikasi

- (i) Encik Kamarul bin Abu Bakar - 03-8885 5018
(ii) Encik Muhammad Azrul bin Ab Wahab - 03-8885 5176

Dokumentasi

- (i) Encik Mohd Khairul Annuar bin Osman - 03-8885 3035
(ii) Puan Che Zuraidah binti Che Daud - 03-8885 3796